



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PEMBERITAHUAN DAN TANGGUNGJAWAB JURUTERA
DANDANG STIM PELAWAT**

**UNIT PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN
SEKSYEN PEPERIKSAAN, PERSIJILAN DAN PENGIFTIRAFAN**

1.0 PENDAHULUAN

Panduan ini disediakan sebagai rujukan bagi permohonan pemberitahuan Jurutera Dandang Stim Pelawat serta menerangkan kelayakan dan had tanggungjawab sebagai Jurutera Dandang Stim Pelawat.

2.0 PUNCA KUASA

Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Kelayakan seseorang yang ingin mendaftar sebagai Jurutera Dandang Stim adalah berdasarkan kepada Seksyen 31C,

31C. (1) Seseorang yang berniat untuk berdaftar sebagai orang kompeten atau penyedia latihan berdaftar hendaklah mengemukakan suatu permohonan bagi pendaftaran kepada Ketua Pengarah mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024

Kawalan dan pengendalian dandang stim

12. (1) Seseorang pemunya atau penghuni hendaklah memastikan mana-mana dandang stim berada di bawah kawalan orang kompeten yang merupakan jurutera dandang stim sama ada yang diambil kerja atau bertindak sebagai jurutera dandang stim pelawat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Belas.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni hendaklah memastikan mana-mana dandang stim dikendalikan dan dijaga oleh orang kompeten yang merupakan operator dandang stim sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Belas.

(3) Seseorang pemunya atau penghuni hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai apa-apa pelantikan atau penamatan orang kompeten yang merupakan jurutera dandang stim pelawat dalam tempoh tiga puluh hari selepas perlantikan atau penamatan itu.

3.0 PEMAKAIAN

Panduan ini terpakai bagi tempat kerja yang memerlukan Jurutera Dandang Stim Pelawat mengikut Jadual Kedua Belas, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 iaitu bagi permukaan pemanasan 200 sehingga 500 meter persegi, pemilik atau penghuni hendaklah mengambil kerja Jurutera Dandang Stim Gred 1 atau Gred 2 atau melantik seorang Jurutera Dandang Stim Pelawat Gred 1 atau Gred 2.

4.0 TAFSIRAN

"Jurutera Dandang Stim" adalah panggilan kepada orang kompeten yang diambil kerja oleh pemunya atau penghuni untuk mengendalikan, menangani atau menjaga mana-mana loji berkaitan dandang stim sebagaimana yang dinyatakan di dalam peraturan 12(1) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

5.0 SKOP

Orang Kompeten Jurutera Dandang Stim yang dilantik sebagai Jurutera Dandang Stim Pelawat

6.0 PEMBERITAHUAN

Orang Kompeten Jurutera Dandang Stim yang ingin dilantik sebagai Jurutera Dandang Stim Pelawat **diwajibkan** untuk membuat pemberitahuan dan mendapat kebenaran dari Jabatan.

7.0 KELAYAKAN DAN HAD TANGGU.NGJAWAB

7.1 KELAYAKAN

- 7.1.1 Mempunyai perakuan pendaftaran Jurutera Dandang Stim Gred 1 atau Gred 2 yang sah.

7.2 HAD TANGGUNGJAWAB

- 7.2.1 Jumlah keseluruhan maksimum permukaan pemanasan tidak melebihi **2000 meter persegi**; dan
- 7.2.2 Jumlah keseluruhan tempat kerja adalah tidak melebihi **10 tempat kerja**;

8.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- i. Jurutera Dandang Stim Pelawat hendaklah menjalankan tanggungjawabnya yang tidak terhad seperti berikut:
 - a) Memastikan tiap-tiap dandang stim atau jentera yang berkaitan berada di bawah kawalan mengikut Akta dan Peraturan.
 - b) Menyediakan suatu laporan bulanan mengenai keadaan jentera, keberkesanan apa-apa peranti keselamatan yang dipasang pada jentera itu, serta butir-butir mengenai apa-apa pembaikan yang dilakukan dan kerosakan yang berlaku. Laporan tersebut perlu dihantar kepada majikan pada hari kesepuluh bulan berikutnya.
 - c) Memastikan pengendalian tiap-tiap dandang stim atau jentera yang berkaitan diuji secara rutin atau berkala mengikut syor pengilang.
 - d) Memastikan peranti kawalan dan keselamatan bagi dandang stim atau jentera yang berkaitan diuji secara rutin atau berkala mengikut syor pengilang.

- e) Memastikan dandang slim atau jentera yang berkaitan dikendalikan dan diselenggara dalam keadaan baik dan selamat.
 - f) Memeriksa buku log dan rekod bagi dandang stim atau jentera yang berkaitan secara berkala.
 - g) Hadir pada tiap-tiap pemeriksaan berulang dan apa-apa pemeriksaan yang dikehendaki oleh Pegawai Jabatan.
 - h) Menasihati majikan tentang keperluan apa-apa pembaikan atau pengubahan ke atas dandang stim atau jentera.
 - i) Membantu memeriksa dalam apa-apa penyiasatan mengenai apa-apa kemalangan yang berkaitan dengan dandang stim atau jentera yang berkaitan.
- ii. Jurutera Dandang Stim Pelawat hendaklah bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesihatan pekerja dan orang lain semasa pemasangan, ujian, penyelenggaraan dan/atau pemeriksaan dandang stim di bawah kawalannya.
- iii. Jurutera Dandang Stim Pelawat hendaklah melaporkan dengan segera kepada Jabatan ini, kejadian berbahaya atau kemalangan yang melibatkan dandang di bawah kawalannya. Jurutera Dandang Stim Pelawat juga dikehendaki membantu majikan menyediakan satu laporan siasatan kejadian berbahaya atau kemalangan, punca dan langkah pembaikan yang akan dibuat oleh syarikat dan menghantarkannya kepada Ketua Pengarah dalam tempoh sebulan dari tarikh kejadian berbahaya atau kemalangan. Jurutera Dandang Stim Pelawat hendaklah memberi bantuan kepada Pegawai Jabatan semasa siasatan dijalankan.

9.0 DOKUMEN NOTIFIKASI

- 9.1 Surat lantikan dari syarikat dandang stim yang diselia; dan
- 9.2 Surat kebenaran dari majikan tetap; dan
- 9.3 Pengiraan permukaan memanas mengikut jajaran yang sama; dan
- 9.4 Buku perakuan kebolehan Jurutera Stim Gred 1 atau 2; dan

- 9.5 Ringkasan pelaporan berkenaan pemeriksaan pada setiap bulan sepanjang kontrak sebagai Jurutera Pelawat (Jika Berkaitan):
 - i. Rekod baikpulih dijalankan pada dandang yang dijaga
 - ii. Pelaporan keadaan peranti keselemanatan pada dandang
 - iii. Butir-butir kerosakan yang telah berlaku pada dandang
- 9.6 Buku log lawatan (Jika Berkaitan)

10.0 SELF-DECLARATION

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan ke atas pemohon jika didapati

- a) Tidak memenuhi mana-mana syarat-syarat kelayakan Jurutera Dandang Stim Pelawat; atau
- b) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- c) Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKPP seperti yang dinyatakan di dalam surat kebenaran atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKPP dari semasa ke semasa ; atau

11.0 KADAR Fi

Tiada fi notifikasi dikenakan. Sekiranya terdapat keperluan pembayaran fi, Jabatan akan memaklumkan kemudian kepada semua pemegang taruh

12.0 PIAGAM PELANGGAN

Piagam pelanggan bagi Notifikasi Jurutera Dandang Stim Pelawat adalah tiga puluh (30) hari.

13.0 KAEDAH NOTIFIKASI

Notifikasi sebagai Jurutera Dandang Stim Pelawat adalah melalui perkhidmatan sistem MYSKUD yang boleh dilayari di Single-Sign-On (SSO) Sistem MyKKP (<http://mykkp.dosh.gov.my/>). Sebarang permohonan secara manual tidak akan diproses.

Disediakan oleh:

Bahagian Keselamatan Industri

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

17 April 2025